

Mahathir ceritakan kisah lucu kerana Proton Saga

UM 30 SEP 1985

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir pagi ini membuat para hadirin di Perhimpunan Agung UMNO ketawa bila beliau mencecitkan pengalaman lucu yang timbul daripada slogan "Kepimpinan Melalui Tauladan."

Ketika menggulung perbahasan para perwakilan pagi ini, Presiden UMNO itu berkata, ada setengah pihak mempertikaikan kewibawaan anggota Majlis Tertinggi termasuk para menteri mengamalkan slogan itu kerana mereka tidak memandu Proton Saga ke perhimpunan seperti yang beliau lakukan.

"Sebenarnya, saya lihat banyak anggota Majlis Tertinggi dan beberapa orang menteri datang ke perhimpunan dengan memandu Proton Saga tetapi salahnya kamera tidak difokuskan kepada mereka kerana tidak difokuskan kepada mereka tetapi kepada saya," katanya disambut dengan ketawa para perwakilan.

Ketawa para hadirin berderai sekali lagi bila Dr. Mahathir memberitahu bahawa, Menteri Penerangan, Datuk Rais Ya-

tim telah memandu Proton Saga warna merah ke perhimpunan itu tetapi tiada siapa yang pedulikannya.

"Marah betul Datuk Rais dan isterinya lalu pada hari kedua mereka datang ke perhimpunan masing - masing berpakaian warna hijau tetapi masih lagi orang tak nampak," kata beliau dengan senyum simpul dan disambut dengan ketawa besar para perwakilan.

Sebelum sempat ketawa itu reda, Dr. Mahathir menyambung dengan berkata: "Datuk Musa telah memberi Proton Saga beliau kepada anaknya tetapi anaknya tidak menyertai perhimpunan ini, maka beliau terpaksa datang dengan kereta lain.

"Tetapi saya bernasib baik kerana kereta yang saya beli dihadiahkan kepada isteri saya dan beliau juga ingin datang ke perhimpunan ini, jadi saya sebenarnya "menumpang kereta beliau," katanya disambut sekali lagi derai ketawa dan tepukan penghargaan daripada para hadirin.